

Mahathir: Saya tak akan tunduk

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan beliau tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan supaya meminda perlembagaan UMNO dari mana - mana pihak yang ingin masuk semula ke dalam parti.

Perdana Menteri berkata sekiranya pihak - pihak berkenaan menetapkan syarat seumpama itu beliau akan menyerahkan kepada Perhimpunan Agung UMNO untuk memutuskannya.

"Kuasa meminda perlembagaan parti hanya ada pada perhimpunan agung. Majlis Tertinggi tidak boleh memindanya melainkan ia dipersejui oleh perhimpunan agung," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan itu ketika diminta mengulas kebimbangan para perwakilan UMNO tentang kemungkinan pihak yang ingin menemui beliau untuk masuk semula ke dalam parti menetapkan syarat perlembagaan dipinda mengikut kehendak mereka.

Perhimpunan Agung UMNO hari ini meluluskan satu perkara tambahan dalam usul mengucapkan terima kasih di

atas ucapan Presiden yang menetapkan bahawa dalam pertemuan perpaduan Perdana Menteri dengan mana - mana pihak, sebarang cadangan yang boleh menimbulkan apa - apa perubahan kepada struktur UMNO hendaklah dirujuk kepada perhimpunan agung.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas tamat perhimpunan hari kedua petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir beliau tidak menjangka tambahan berkenaan boleh menjejaskan pertemuan perpaduan antaranya dengan Tengku Razaleigh.

Ditanya mengenai saranan yang dibuat oleh beberapa perwakilan supaya Tunku Abdul Rahman tidak dijadikan orang tengah dalam pertemuannya dengan Tengku Razaleigh, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata:

"Sebenarnya bukan Tunku yang minta jadi orang tengah. Kita yang minta beliau jadi orang tengah.

Menyentuh tentang kenyataan - kenyataan yang dibuat oleh Tunku yang dianggap sering bercanggah, beliau berkata, "itu adalah pandangan Tunku, itu haknya."